



**MOHD. Harun Abdullah (tengah) melakukan simbolik perasmian Majlis Perhimpunan Jabatan Canselor di Galeri Majlis, UMS, Kota Kinabalu, baru-baru ini.**

# UMS lancar aplikasi untuk pengguna gajet pintar

UM 15.01.2014

KOTA KINABALU 14 Jan. - Seajar dengan perkembangan teknologi terkini, Universiti Malaysia Sabah (UMS) telah melancarkan aplikasi mudah alih yang boleh dimuat turun oleh semua pengguna gajet pintar android baru-baru ini.

Pelancaran aplikasi tersebut juga sebagai usaha untuk memenuhi objektif Bidang Keberhasilan Utama Universiti (UMS-KRA) yang keempat iaitu memperkukuhkan tadbir urus, kepimpinan dan sistem penyampaian.

Majlis pelancarannya disempurnakan oleh Naib Canselor UMS, Prof. Datuk Dr. Mohd. Harun Abdullah selepas Majlis Perhimpunan Jabatan Canselor di Galeri Majlis universiti eko-kampus itu.

Menurut Mohd. Harun, langkah mewujudkan sistem tersebut amat bertepatan dalam meningkatkan la-

gi mutu perkhidmatan terhadap pelajar dan kakitangan.

"Buat masa ini, UMS menyediakan kemudahan aplikasi mudah alih bagi kegunaan pelajar dan teknologi itu akan dikembangkan untuk kegunaan kakitangan lain pada masa akan datang," katanya.

Lebih 100 kakitangan Jabatan Canselor hadir dalam majlis perhimpunan tersebut.

Yang turut hadir Bendahari UMS, Rizal Othman; Ketua Pustakawan, Dayang Rukiah Awang Amit; Ketua Jabatan Canselor, No'man Ahmad dan Ketua Jabatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (JTMK), Noor Hapipah Samat.

Aplikasi tersebut yang dihasilkan melalui inisiatif Jabatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi boleh diakses melalui jalur lebar tanpa wayar.